



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62

1hb Februari 2018

No. 3

No. 124.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 55(6)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 55(6)

Menurut subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], ringkasan Anggaran Bajet Tahun 2018 bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 8 November 2017 diperihalkan seperti yang berikut:

Pursuant to subsection 55(6) of the Local Government Act 1976 [Act 171], the summary of the Budget Estimates for the year 2018 for the Municipal Council of Province Wellesley as passed by the State Authority on 8 November 2017 is described as follows:

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2018

ESTIMATED INCOME AND EXPENDITURE FOR THE YEAR 2018

I. ANGGARAN PENDAPATAN
ESTIMATED INCOME

Hasil Cukai
Tax Revenue

(RM)
185,905,147

	(RM)
Hasil Bukan Cukai <i>Non Tax Revenue</i>	72,654,912
Terimaan Bukan Hasil <i>Non Revenue Acceptance</i>	10,000,000
Jumlah <i>Total</i>	268,560,059

II. ANGGARAN PERBELANJAAN
ESTIMATED EXPENDITURE

	(RM)
Perbelanjaan Mengurus <i>Operating Expenditure</i>	278,452,717
Perbelanjaan Pembangunan <i>Development Expenditure</i>	6,760,130
Perolehan Harta Modal <i>Assets Acquisition</i>	8,256,003
Jumlah <i>Total</i>	293,468,850
Kurangan <i>Deficit</i>	24,908,791

RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN

SUMMARY OF THE ESTIMATED EXPENDITURE

Kod	Penjenisan	Peruntukan Tahun 2016 (RM)	Peruntukan Tahun 2017 (RM)	Peruntukan Tahun 2018 (RM)
<i>Code</i>	<i>Classification</i>	<i>Allocation for Year 2016 (RM)</i>	<i>Allocation for Year 2017 (RM)</i>	<i>Allocation for Year 2018 (RM)</i>
10000	Emolumen <i>Emolument</i>	83,205,080	86,241,090	91,700,345
20000	Perkhidmatan dan Bekalan <i>Services and Supplies</i>	154,236,691	162,321,629	17,2160,996
30000	Perbelanjaan Pembangunan dan Harta Modal <i>Development Expenditure and Assets</i>	13,538,526	12,514,912	15,016,133

Kod	Penjenisan	Peruntukan Tahun 2016 (RM)	Peruntukan Tahun 2017 (RM)	Peruntukan Tahun 2018 (RM)
<i>Code</i>	<i>Classification</i>	<i>Allocation for Year 2016 (RM)</i>	<i>Allocation for Year 2017 (RM)</i>	<i>Allocation for Year 2018 (RM)</i>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap <i>Grants and Fixed Charges</i>	6,642,047	8,328,977	7,193,366
50000	Lain-lain Perbelanjaan <i>Other Expenditure</i>	7,479,600	9,723,600	7,398,010
	Jumlah <i>Total</i>	265,101,944	279,130,208	293,468,850

Bertarikh 28 Disember 2017

Dated 28 December 2017

[MPSP/99/1-1/19 Bah. 1 Jil. 4; PUNPP 352/100/1/2/EA/7]

DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pulau Pinang/
President
Municipal Council of Province Wellesley
Penang

No. 125.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
 (Akta 333)

ROAD TRANSPORT ACT 1987
(Act 333)

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)(bb)

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)(bb)

Majlis Perbandaran Seberang Perai, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang membuat satu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], yang mana kesannya adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual di bawah ini.


Bantahan terhadap cadangan tersebut di atas mestilah dihantar secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis ini disiarkan.

The Municipal Council of Province Wellesley, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which is shown in the Schedule hereto.

Objections to the proposal must be sent in writing to the President, Municipal Council of Province Wellesley within fourteen (14) days from the date of publication of this notice.

JADUAL/SCHEDULE

Jalan yang baginya larangan terpakai <i>Road to which prohibition applies</i>	Waktu Larangan <i>Prohibition period</i>
(1)	(2)
<p>(i) Jalan Perniagaan Alma dari bangunan No. 2 hingga No. 56, dari bangunan No. 3331 hingga No. 3339, dari bangunan No. 58 hingga No. 120 di Pusat Perniagaan Alma, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, dihadkan kepada jalan sehalu dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta</p>	<p>Sepanjang Masa</p>
<p>(i) <i>Jalan Perniagaan Alma from building No. 2 until No. 56, from building No. 3331 until No. 3339, from building No. 58 until No. 120 at Pusat Perniagaan Alma, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah is to be restricted to a one-way traffic, the direction of flow as shown on the map</i></p>	<p><i>All The Time</i></p>



Bertarikh 11 Januari 2018

Dated 11 January 2018
[MPSP/99/1-4/58 Jld. 5]

DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pulau Pinang/
President
Municipal Council of Province Wellesley
Penang

No. 126.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

**ANGGARAN PENDAPATAN DAN BELANJAWAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2018**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 82(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan tahun 2018 bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan dalam Jadual:

JADUAL

ANGGARAN PENDAPATAN

	(RM)	(RM)
(a) Zakat Pulau Pinang	107,931,850.00	
(b) Bahagian Pentadbiran	5,618,955.00	
(c) Bahagian Wakaf	4,376,408.00	
(d) Bahagian Sumber Am	4,718,210.00	
Jumlah Pendapatan		122,645,423.00

ANGGARAN BELANJAWAN

(a) Zakat Pulau Pinang	109,687,471.00	
(b) Bahagian Pentadbiran	4,450,010.00	
(c) Bahagian Wakaf	3,409,023.00	
(d) Bahagian Sumber Am	4,494,762.00	
Jumlah Perbelanjaan		122,041,266.00
Lebihan/(Kurangan)		604,157.00

Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 10 November 2017.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

ESTIMATES OF INCOME AND EXPENDITURE OF
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG OF YEAR 2018

In exercise of the powers conferred by subsection 82(3) of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], Yang di-Pertuan Agong, on the advice of the State Executive Council, approves the Estimates of Income and Expenditure for the year 2018 for Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang as specified the Schedule:

SCHEDULE

ESTIMATE OF INCOME

	(RM)	(RM)
(a) <i>Zakat Pulau Pinang</i>	107,931,850.00	
(b) Administration Division	5,618,955.00	
(c) <i>Wakaf</i> Division	4,376,408.00	
(d) General Source Division	4,718,210.00	
Total Income		<u>122,645,423.00</u>

ESTIMATE OF EXPENDITURE

(a) <i>Zakat Pulau Pinang</i>	109,687,471.00	
(b) Administration Division	4,450,010.00	
(c) <i>Wakaf</i> Division	3,409,023.00	
(d) General Source Division	4,494,762.00	
Total Expenditure		<u>117,978,772.00</u>
Surplus/(Deficit)		<u>604,157.00</u>

Consented by Yang di-Pertuan Agong on 10 November 2017.

No. 127.**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004****FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL**AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG
BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNYA OLEH ISMAIL BIN
KASSIM (PERAHMAT)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim (PERAHMAT) dan memutuskan seperti yang berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) mengandungi perkara-perkara yang berikut:

- (a) Terbatal Kesemua Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang Dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK)

Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua Kalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimaksudkan ialah ilmu penyaksian qalbu terhadap roh yang sedang bersyahadah.

- (b) Tuntutan Mencari Penyaksi Syahadah

Seseorang itu hendaklah berusaha mencari penyaksinya yang akan dibawa sebagai saksi pada hari akhirat kelak. Penyaksi tersebut akan diperoleh apabila dia menerima dan mengamalkan Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas.

- (c) Ismail bin Kassim Penyaksi Syahadah

Ismail bin Kassim akan menjadi penyaksi syahadah seseorang di dunia dan akhir setelah orang itu mempelajari dan menerima Ilmu Syahadah yang diajar oleh beliau. Orang yang tidak menerima ilmu ini daripada beliau, dia tidak akan memperoleh penyaksi syahadahnya dan syahadahnya tidak diterima Allah.

- (d) Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melaluinya

Seseorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas, kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya. Mencari Allah S.W.T. melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pancaindera manusia yang lain, seperti mata dan telinga peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib. Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka mata hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh, dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara autopilot.

- (e) Mengambil Zikir Nafas Secara Bai'ah

Untuk mengambil ilmu Zikir Nafas hendaklah secara bai'ah melalui guru yang berketurunan Ahli Bait sahaja, iaitu Ismail bin Kassim.

- (f) Mengisi Nafas dengan Zikir لا إله إلا الله

Zikir Nafas ialah seseorang itu perlu mengisi nafasnya dengan zikir لا إله إلا الله. Zikir ini hendaklah dilakukan secara berterusan selama 24 jam tanpa henti. Kaedah untuk mendapatkan zikir tanpa henti, iaitu melalui pengisian zikir dalam penafasan. Apabila kalimah zikir telah diisi dalam pernafasan, setiap kali manusia bernafas, nafasnya akan berzikir mengingati Allah S.W.T. (لا إله إلا الله). Perkiraan yang dibuat terhadap bilangan zikir yang akan terhasil daripada pernafasan tersebut adalah sebanyak 2,592 (108 x 24) zikir sehari.

- (g) Amalan Zikir Nafas Telah Wujud Sejak Dari Zaman Nabi Adam A.S.

Amalan Zikir Nafas telah wujud sejak dari zaman Nabi Adam A.S. dan baginda adalah orang pertama yang mengamalkannya. Allah S.W.T. telah meniupkan roh-Nya ke dalam jasad Nabi Adam A.S. dan seterusnya bernafas, dan nafas pertama yang naik dan turun daripada Adam A.S. adalah berbentuk Zikir Nafas.

- (h) Zikir Nafas Adalah Amalan 124,000 Para Rasul Dan Para Wali Allah

Para Rasul A.S. diperintahkan oleh Allah S.W.T. untuk berkhawatir di dalam gua, apabila berada di dalam gua akan didengar secara jelas bunyi perkataan Zikir Nafas, iaitu 'hu', 'hu', 'hu'.

- (i) Amalan Zikir Nafas Adalah Sahih dan Sabit Melalui al-Quran dan al-Hadith

Sesiapa yang mengingkarinya dianggap telah menaruh syak terhadap al-Quran dan al-Hadith.

- (j) Semua Makhluk Hidup Dengan Kalimah ‘Hu’

Semua makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T. dapat terus hidup dengan kalimah ‘hu’. Hu juga merupakan bunyi nafas yang sedia ada, bunyi oksigen, segala bunyian, peredaran bintang, planet, bulan dan matahari.

- (k) Hari Kiamat Akan Berlaku Apabila Tiada Lagi Makhluk Yang Nafasnya Berzikir Dengan Kalimah Allah

Semua makhluk termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia akan mati dan diikuti dengan berlakunya hari kiamat apabila tiada lagi makhluk yang nafasnya berzikir dengan kalimah Allah.

- (l) Kelebihan Luar Biasa Apabila Mengamalkan Zikir Nafas

- (i) Menyambung talian dengan Allah S.W.T.;
- (ii) Menyambung talian dengan Nabi Muhammad S.A.W.;
- (iii) Menyambung talian emas dengan guru-guru yang sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad S.A.W.;
- (iv) Nafas terkawal daripada segala gangguan syaitan, iblis, ifrit dan jin;
- (v) Dianggap berada di landasan *sirat al-mustaqeem*;
- (vi) Nafas sentiasa rasa dikawal;
- (vii) Nafas berjalan dengan kelajuan yang begitu normal walaupun mendengar berita buruk dan menakutkan;
- (viii) Hidup dan mati menjadi kesedaran diri walaupun berada di mana jua;
- (ix) Apabila lalai dan alpa, nafas akan datang menyedarkan diri kepada Allah;
- (x) Akan mendapat *husnu al-khatimah*.

(m) Mengamalkan Kepercayaan *Wahdat al-Wujud* dan *Tajsim*

Ismail bin Kassim pernah mengungkapkan kata-kata yang jelas membawa kepada makna *Wahdat al-Wujud*, iaitu “Aku berkata-kata dengan lidah ni, ini lidah Allah, ini lidah Allah, kafir kamu pergi, kalau kamu menolak, pergi, ini lidah Allah, ini perkataan Allah, di mana kau, kafir terus...”

(n) Mentakwil Ayat-ayat al-Quran Secara Batil

Mentakwil ayat-ayat al-Quran secara batil, antaranya seperti yang berikut: Pada ayat dalam surat *al-Fatihah*: *اهدنا الصراط المستقيم*: Allah S.W.T. akan menjawab : *صراط الدين انعمت عليهم* iaitu *الصلحين، الشهداء والصدقيين*. Tafsiran bagi ketiga-tiga perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) *الصلحين* : Mempunyai Zikir Nafas dan kenal Allah dengan aqal;
- (ii) *الشهداء* : Mempunyai Zikir Nafas dan syahadah dengan qalbu;
- (iii) *الصدقيين* : Mempunyai Zikir Nafas dan rohnya bersyahadah

(o) Kaedah Penafsiran al-Quran (*Usul Tafsir*) Yang Menyeleweng

Ayat-ayat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan membaca terjemahan, kitab-kitab tafsir, mahupun *asbab al-nuzul*, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma’na, Ilmu Maqsud, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hakikat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghaib dan Ilmu Yaqin).

(p) Berpegang Kepada Hadith Palsu

Antaranya:

- (i) “Sesiapa yang menyakiti seorang *tolibul-ilmi* seperti menyakiti 124,000 Nabi, sesiapa yang menyakiti 124,000 nabi seperti menyakiti Rasullah S.A.W., sesiapa yang menyakiti Rasullah S.A.W. seperti menyakiti Allah, dan sesiapa yang menyakiti Allah, neraka tempatnya”;
- (ii) “Barang siapa yang mencariku, pasti menjumpai-Nya, yang menjumpai-Nya, maka dia telah menjumpai segala-galanya, Nabi Muhammad S.A.W. bertanya bagaimana ingin mencari Allah, dan Allah pun menjawab: ‘Syahadah’”.

- (iii) “Barang siapa yang datang berjumpa dengan Aku dalam pada mana dia mengenal Aku, setiap kebajikan Aku beri dia sedunia bilangan makhluk yang pernah Aku cipta dan akan Aku cipta”.

(q) *Gluluw* (Melampau) Dalam Menghormati Guru

Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti berikut:

- (i) Sesiapa yang hendak bersalaman dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;
 - (ii) Setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid, atas izin Allah S.W.T.;
 - (iii) Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnya;
 - (iv) Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;
 - (v) Setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalimah “*la ila ha illallah*”;
 - (vi) Setiap murid jangan sekali-kali melanggar panduan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasaan.
2. Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan pandangan hukum bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah;
 3. Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran ini dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah S.W.T.;
 4. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT), atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.

5. Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT). Dan semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada golongan ini daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran ini di negeri Pulau Pinang.
6. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 14 Disember 2017

[JMNPP/(S)/19/1101/002(1); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld. 4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

Mufti

*Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG
BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNYA OLEH ISMAIL BIN
KASSIM (PERAHMAT)*

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim (PERAHMAT) dan memutuskan seperti yang berikut:

1. *Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) mengandungi perkara-perkara yang berikut:*

- (a) *Terbatal Kesemua Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang Dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK)*

Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua Kalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimaksudkan ialah ilmu penyaksian qalbu terhadap roh yang sedang bersyahadah.

- (b) *Tuntutan Mencari Penyaksi Syahadah*

Seseorang itu hendaklah berusaha mencari penyaksinya yang akan dibawa sebagai saksi pada hari akhirat kelak. Penyaksi tersebut akan diperolehi apabila dia menerima dan mengamalkan Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas.

- (c) *Ismail bin Kassim Penyaksi Syahadah*

Ismail bin Kassim akan menjadi penyaksi syahadah seseorang di dunia dan akhir setelah orang itu mempelajari dan menerima Ilmu Syahadah yang diajar oleh beliau. Orang yang tidak menerima ilmu ini daripada beliau, dia tidak akan memperoleh penyaksi syahadahnya dan syahadahnya tidak diterima Allah.

- (d) *Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melaluinya*

Seseorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas, kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya. Mencari Allah S.W.T. melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pancaindera manusia yang lain, seperti mata dan telinga peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib. Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka mata hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh, dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara autopilot.

- (e) *Mengambil Zikir Nafas Secara Bai'ah*

Untuk mengambil ilmu Zikir Nafas hendaklah secara bai'ah melalui guru yang berketurunan Ahli Bait sahaja, iaitu Ismail bin Kassim.

- (f) *Mengisi Nafas dengan Zikir لا إله إلا الله*

Zikir Nafas ialah seseorang itu perlu mengisi nafasnya dengan zikir لا إله إلا الله. Zikir ini hendaklah dilakukan secara berterusan selama 24 jam tanpa henti. Kaedah untuk mendapatkan zikir

tanpa henti, iaitu melalui pengisian zikir dalam penafasan. Apabila kalimah zikir telah diisi dalam pernafasan, setiap kali manusia bernafas, nafasnya akan berzikir mengingati Allah S.W.T. (لا إله إلا الله). Perkiraan yang dibuat terhadap bilangan zikir yang akan terhasil daripada pernafasan tersebut adalah sebanyak 2,592 (108 x 24) zikir sehari.

- (g) *Amalan Zikir Nafas Telah Wujud Sejak Dari Zaman Nabi Adam A.S.*

Amalan Zikir Nafas telah wujud sejak dari zaman Nabi Adam A.S. dan baginda adalah orang pertama yang mengamalkannya. Allah S.W.T. telah meniupkan roh-Nya ke dalam jasad Nabi Adam A.S. dan seterusnya bernafas, dan nafas pertama yang naik dan turun daripada Adam A.S. adalah berbentuk Zikir Nafas.

- (h) *Zikir Nafas Adalah Amalan 124,000 Para Rasul Dan Para Wali Allah*

Para Rasul A.S. diperintahkan oleh Allah S.W.T. untuk berkhawat di dalam gua, apabila berada di dalam gua akan didengar secara jelas bunyi perkataan Zikir Nafas, iaitu 'hu', 'hu', 'hu'.

- (i) *Amalan Zikir Nafas Adalah Sahih dan Sabit Melalui al-Quran dan al-Hadith*

Sesiapa yang mengingkarinya dianggap telah menaruh syak terhadap al-Quran dan al-Hadith.

- (j) *Semua Makhhluk Hidup Dengan Kalimah 'Hu'*

Semua makhhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T. dapat terus hidup dengan kalimah 'hu'. Hu juga merupakan bunyi nafas yang sedia ada, bunyi oksigen, segala bunyian, peredaran bintang, planet, bulan dan matahari.

- (k) *Hari Kiamat Akan Berlaku Apabila Tiada Lagi Makhhluk Yang Nafasnya Berzikir Dengan Kalimah Allah*

Semua makhhluk termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia akan mati dan diikuti dengan berlakunya hari kiamat apabila tiada lagi makhhluk yang nafasnya berzikir dengan kalimah Allah.

- (l) *Kelebihan Luar Biasa Apabila Mengamalkan Zikir Nafas*

(i) *Menyambung talian dengan Allah S.W.T.;*

(ii) *Menyambung talian dengan Nabi Muhammad S.A.W.;*

- (iii) Menyambung talian emas dengan guru-guru yang sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad S.A.W.;
 - (iv) Nafas terkawal daripada segala gangguan syaitan, iblis, ifrit dan jin;
 - (v) Dianggap berada di landasan sirat al-mustaqeem;
 - (vi) Nafas sentiasa rasa dikawal;
 - (vii) Nafas berjalan dengan kelajuan yang begitu normal walaupun mendengar berita buruk dan menakutkan;
 - (viii) Hidup dan mati menjadi kesedaran diri walaupun berada di mana jua;
 - (ix) Apabila lalai dan alpa, nafas akan datang menyedarkan diri kepada Allah;
 - (x) Akan mendapat husnu al-khatimah.
- (m) Mengamalkan Kepercayaan Wahdat al-Wujud dan Tajsim

Ismail bin Kassim pernah mengungkapkan kata-kata yang jelas membawa kepada makna Wahdat al-Wujud, iaitu “Aku berkata-kata dengan lidah ni, ini lidah Allah, ini lidah Allah, kafir kamu pergi, kalau kamu menolak, pergi, ini lidah Allah, ini perkataan Allah, di mana kau, kafir terus...”

(n) Mentakwil Ayat-ayat al-Quran Secara Batil

Mentakwil ayat-ayat al-Quran secara batil, antaranya seperti yang berikut: Pada ayat dalam surat al-Fatihah: اهدنا الصراط المستقيم: Allah S.W.T. akan menjawab الصالحين، الشهداء والصديقين صراط الدين اعمت عليهم . Tafsiran bagi ketiga-tiga perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) الصالحين : Mempunyai Zikir Nafas dan kenal Allah dengan aqal;
- (ii) الشهداء : Mempunyai Zikir Nafas dan syahadah dengan qalbu;
- (iii) الصديقين : Mempunyai Zikir Nafas dan rohnya bersyahadah

(o) *Kaedah Penafsiran al-Quran (Usul Tafsir) Yang Menyeleweng*

Ayat-ayat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan membaca terjemahan, kitab-kitab tafsir, mahupun asbab al-nuzul, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma'na, Ilmu Maqsud, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hakikat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghaib dan Ilmu Yaqin).

(p) *Berpegang Kepada Hadith Palsu*

Antaranya:

- (i) *“Sesiapa yang menyakiti seorang tolibul-ilmu seperti menyakiti 124,000 Nabi, sesiapa yang menyakiti 124,000 nabi seperti menyakiti Rasulullah S.A.W., sesiapa yang menyakiti Rasulullah S.A.W. seperti menyakiti Allah, dan sesiapa yang menyakiti Allah, neraka tempatnya”*,
- (ii) *“Barang siapa yang mencariku, pasti menjumpai-Nya, yang menjumpai-Nya, maka dia telah menjumpai segala-galanya, Nabi Muhammad S.A.W. bertanya bagaimana ingin mencari Allah, dan Allah pun menjawab: ‘Syahadah’”*.
- (iii) *“Barang siapa yang datang berjumpa dengan Aku dalam pada mana dia mengenal Aku, setiap kebajikan Aku beri dia sedunia bilangan makhluk yang pernah Aku cipta dan akan Aku cipta”*.

(q) *Gluluw (Melampau) Dalam Menghormati Guru*

Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti berikut:

- (i) *Sesiapa yang hendak bersalaman dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;*
- (ii) *Setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid, atas izin Allah S.W.T.;*
- (iii) *Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnya;*
- (iv) *Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;*
- (v) *Setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalimah “la ila ha illallah”;*

- (vi) *Setiap murid jangan sekali-kali melanggar panduan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasaan.*
2. *Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan pandangan hukum bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah;*
 3. *Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran ini dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah S.W.T.;*
 4. *Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT), atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.*
 5. *Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT). Dan semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada golongan ini daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran ini di negeri Pulau Pinang.*
 6. *Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang.*

Bertarikh 14 Disember 2017

[JMNPP/(S)/19/1101/002(1); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld. 4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

Mufti

Kerajaan Negeri

Pulau Pinang

اينكمين فننڊبيرن اكام اسلام

(نكري فولاو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجانننن كواس يغ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمين فننڊبيرن اكام اسلام (نكري فولاو فينغ) [اينكمين 2]، اتس فر كنن يغ دفر توان اكوغ، جاوتنكواس فتوى نكري فولاو فينغ، ممبوات فتوى يغ دياتاكن دالم جدوال.

جدوال

اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين 2 يغ بركايتن دغن كدودوكنن اوليه اسماعيل بن قاسم (فرحمة)

مشوارت جاوتنكواس فتوى نكري فولاو فينغ بيلانن 2017/1 تله ممبينچننن مغناهي اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين 2 يغ بركايتن دغن كدودوكنن اوليه اسماعيل بن قاسم (فرحمة) دان مومتوسكن سفرتي برايكون:

1. سنله منليتي فكتا 2، هوجه-هوجه دان فنداغن يغ دكموكانن، مشوارت منداقتي بهاوا اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين 2 يغ بركايتن دغن كدودوكنن اوليه اسماعيل بن قاسم دري فرتوبوهن رحمة للعالمين (فرحمة) مغندوشي فركارا 21 يغ بريكون:

(a) تربطل كسموا روكون اسلام سكيرانن تيدق ممقلاجري علمو شهادة يغ دباوا اوليه اسماعيل بن قاسم (IBK)

روكون اسلام يغ فرتام، ياييت مغوچق دوا كليمة شهادة باكي سساورغ ايت تربطل سكيرانن دي تيدق ممقلاجري علمو شهادة (علمو فيقسين) يغ دباوا اوليه اسماعيل بن قاسم. علمو شهادة يغ دمقصودكن اباله علمو فيقسين قلبو ترهادق روح يغ سدغ برشهادة.

(b) تونوتن منچاري فيقسى شهادة

سساورغ ايت هندقله براوسها منچاري فيقسين يغ اكن دباوا سبكاى سقسى قد هاري اخيرة كلق. فيقسى ترسبوت اكن دفر اوليه افايلا دي منريما دان مغمملكن علمو شهادة دان ذيكير نفس.

(c) اسماعيل بن قاسم فيقسى شهادة

اسماعيل بن قاسم اكن منچادي فيقسى شهادة سساورغ دنيا دان داخيرة سنله اورغ ايت ممقلاجري دان منريما علمو شهادة يغ داجر اوليه بلباو. اورغ يغ تيدق منريما علمو اين درفد بلباو، دي تيدق اكن ممقر اوليه فيقسى شهداهن دان شهداهن تيدق دتريما الله.

(d) واجب ممفلاجري ذيكير نفس کران تباد چارا لاءين اونتوق منچاري الله كچوالي ملالوءين سساورغ ايت واجب ممفلاجري ذيكير نفس کران تباد چارا لاءين اونتوق منچاري الله كچوالي ملالوءين. منچاري الله سبحانه وتعالى مليبتكن فرانن يغ دمانينكن اوليه قلوبو. اشكوتا فنجاءيندرا مانسي يغ لاءين، سقرتي مات دان تليغا فراننن ترحد كقد عالم ظاهير سهاج، بريذا دغن قلوبو يغ ممفوءاي فرانن غانيب. هان دغن عملن ذيكير نفس بوليه ممبوك مات هاتي قلوبو. اوليه يغ دمكيان، اقبيل مات هاتي قلوبو سساورغ تله تريوك، مك دي اكن داقت مليهت فقيسين روح، دان فركارا ۲۱ غانيب يغ لاءين دغن برتروسن سچارا اوتو قلوبو.

(e) مغمبيل ذيكير نفس سچارا بيعة اونتوق مغمبيل علمو ذيكير نفس هندقله سچارا بيعة ملالوءي كورو يغ بركتورونن اهل البيت سهاج، ياءيت اسماعيل بن قاسم.

(f) مغيسي نفس دغن ذيكير لا اله الا الله ذيكير نفس اياله سساورغ ايت فرلو مغيسي نفسن دغن ذيكير لا اله الا الله. ذيكير اين هندقله دلاكوكن سچارا برتروسن سلاما 24 جم تنفا هنتي. قاعده اونتوق مندافتكن ذيكير تنفا هنتي، ياءيت ملالوني فغيسين ذيكير دالم فرنفسن. اقبيل كلمية ذيكير تله دايسي دالم فرنفسن، سنياف كالي مانسي برنفس، نفسن اكن برذيكير مغيستي الله سبحانه وتعالى (لا اله الا الله). فركيران يغ دبوات ترهادق بيلاغن ذيكير يغ ترحاصل درقد فرنفسن ترسبوت اداله سبابق 2,592 (24×108) ذيكير سهاراي.

(g) عملن ذيكير نفس تله وجود سجد دري زمان نبي آدم عليه السلام عملن ذيكير نفس تله وجود سجد دري زمان نبي آدم عليه السلام دان بگيندا اداله اورغ فرتام يغ بمعملكنن. الله سبحانه وتعالى تله منيوفكن روحن كدالم جسد نبي آدم عليه السلام دان ستروسن برنفس، دان نفس فرتام يغ ناءيق دان تورون درقد آدم عليه السلام اداله برينتوق ذيكير نفس.

(h) ذيكير نفس اداله عملن 124,000 قارا رسول دان قارا والي الله قارا رسول عليهم الصلاة والسلام دفرينتهكن اوليه الله سبحانه وتعالى اونتوق برخلوة ددالم كوا، اقبيل برادا ددالم كوا اكن ددغر سچارا جلس بويي فركاتان ذيكير نفس، ياءيت 'هو'، 'هو'، 'هو'.

(i) عملن ذيكير نفس اداله صحيح دان ثابت ملالوءي القراءن دان الحديث سسيافا يغ مغيغريش داغكف تله مناروه شك ترهادق القراءن دان الحديث.

(j) سموا مخلوق هيدوف دغن كلمية 'هو'

سموا مخلوق يغ دچتاکن اوليه الله سبحانه وتعالى دافت تروس هيدوف دغن كلمية 'هو'. هو جوک مروفاکن بويي نفس يغ سدیا ادا، بويي اوکسيجن، سکالا بوييان، فرايدرن بيتنغ، فلانيت، بولن دان متاهاري.

(k) هاري قيامة اکن برلاکو اقبیلا تياد لاني مخلوق يغ نفسن برذیکير دغن كلمية الله

سموا مخلوق ترماسوق حيوان، تومبوہ-تومبوہن دان مانسي اکن ماتي دان دايکوتي دغن برلاکوٹ هاري قيامة اقبیلا تياد مخلوق يغ نفسن برذیکير دغن كلمية الله.

(l) کلبیهن لوار بیاسا اقبیلا مغلکن ذیکير نفس

- i. مپامبوغ تالین دغن الله سبحانه وتعالى؛
- ii. مپامبوغ تالین دغن نبي محمد ﷺ؛
- iii. مپامبوغ تالین امس دغن گورو ۲ يغ سمفای سندن کفد نبي محمد ﷺ؛
- iv. نفس ترکول درفد سکالا کفخوان شيطان، ابليس، عفريت دان جين؛
- v. داغکف برادا دلندسن صراط المستقيم؛
- vi. نفس سنتیاس راس دکاول؛
- vii. نفس برجالن دغن کلاجوان يغ بگينو نورمل ولوفون مندغر بریتا بوروق دان مناکوٹکن؛
- viii. هيدوف دان ماتي منجادي کسدرن ديري ولوفون برادا دمان جوا؛
- ix. اقبیلا لالاي دان القا، نفس اکن داتغ مپدرکن ديري کفد الله؛
- x. اکن مندافت حسن الخاتمة.

(m) مغلکن کفرچاياعن وحدة الوجود دان تجسيم

اسماعيل بن قاسم قرنه مغوگفکن کات ۲ يغ جلس ممباوا کفد معنی وحدة الوجود، ياءيت "اکو برکاتا-کات دغن ليده اين، اين ليده الله، کافير کامو فرکي، کالاو کامو منولق، فرکي، اين فرکاتان الله، دمان کاو، کافير تروس..."

(n) منتاويلکن آيات ۲ القراءن سچارا باطيل

منتاويلکن آية-آية القراءن سچارا باطيل، انتاراٹ سفرتي يغ بريکوت: قد آيات دالم سورة الفاتحة: *اهدنا الصراط المستقيم*، الله سبحانه وتعالى اکن منجواب: *صراط الذين أنعمت عليهم* ياءيت الصالحين، الشهداء والصديقين. تفسيرن باکي کتيکاتنيک فرکاتان ترسبوت اداله سفرتي يغ بريکوت:-

- i. الصالحين : ممقوياءي ذیکير نفس دان کنل الله دغن عقل؛
- ii. الشهداء : ممقوياءي ذیکير نفس دان شهادة دغن قلبو؛
- iii. والصديقين : ممقوياءي ذیکير نفس دان روحن برشهادة.

(o) قاعده فنفسفرن القراءن (اصول نففسفر) بف مفللوفبف

افان القراءن ففءق بولفه ءفهف سمافاف ءفن ممفب فرءمهن؁ كئاب ٢ نففسر؁ ماهوفون اسباب النزول؁ بهكن هان بولفه ءفهف ءفن علمو القراءن (علمو فأول؁ علمو الفرقان؁ علمو المعنب؁ علمو مقصوء؁ علمو حكمة؁ علمو معرفة؁ علمو حقفة؁ علمو اسرار؁ علمو غافب ءان علمو ففن).

(p) برفقف كءء ءءفء فلسو

انفاران:-

- i. "سساءف بف مفاكف سآورغ طالب العلم سفرف مفاكف 124,000 نب؁ سساءف بف مفاكف 124,000 نب سفرف مفاكف رسول الله ﷺ؁ سساءف بف مفاكف رسول الله ﷺ سفرف مفاكف الله؁ ءان سساءف بف مفاكف الله؁ نراك فمقن".
- ii. "بارغ سفاءف بف منءاركو؁ فسف منءومفءف؁ بف منءومفءف؁ مك ءف فله منءومفءف سكالاف-كالان؁ نب مفء بران باكامان اففن منءارف الله؁ ءان الله فون منءواب: 'شهادة'".
- iii. "بارغ سفاءف بف ءاف برءومفا ءفن اكو ءالم فء مان ءف مغل اكو؁ سفاءف كباكفن اكو برف ءف سءنفا ببفن مخلوق بف فرنه اكو ففقا ءان اكن اكو ففقا".

(q) غلو (ملمفاو) ءالم مءرمف ءورو. فرافون بف وابب ءفاوهف اولفه مورفء كءء اسماعفل بن قاسم

سلاكو ءورو افو شفء سفرف برفكواف:-

- i. سساءف بف هنء برسلامن ءفن ءورو؁ وابب مغمفل وضوء فربفه ءهولو كران ءورو ءاغف ممبافو القراءن بف هفءوف؛
- ii. سفاءف مورفء برءاءن ففن بهاوا ءورو ءافء مفسن كطاعفن مورفء؁ اسف اففن الله سبحانه وءعالف؛
- iii. سفاءف مورفء ءاغن منءرهاك كءء ءورو اسف امانه-امانهف؛
- iv. سفاءف مورفء ءاغن اءا سءكان بهاوا ءورو ففء مفاهوءف كلاكان ءان فربافن مرفك؛
- v. سفاءف مورفء ءاغن مراكوءف افو ممبفنه ءهاففن ءورو افو ءبلاكن كران ءورو هان مءاغر علمو كلمة "لا إله إلا الله"؛
- vi. سفاءف مورفء ءاغن سكالف-كالف ملءكر فنءوان ءافس؁ كلق اكن فرءروموس كءالم كءلاكان ءان كبفناساهن.

